

Ulasan Buku (Book Review)

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2021). *Pemetaan Baharu Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Permata Ummah. 135 Halaman. [ISBN 978-967-19111-3-6]

Badlihisham Mohd Nasir* & Nur Shafiqah Badlihisham**

Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi menyatakan Islam ketika datang ke semua negara baru yang dibuka, tidak dianggap sebagai penjajah, bahkan penyelamat. Keadilan Islam yang berbeza dengan Barat atau kuasa besar dunia selain Islam yang lain telah menyebabkan penduduk negara yang dibuka menerima kedatangan Islam di negara mereka telah disambut dengan meriah kerana ajarannya yang adil. Beliau menyatakan sebab kelemahan yang dialami oleh kerajaan Islam pada zaman lampau adalah kerana meninggalkan ajaran Islam yang sebenar. Maka beliau menyatakan tuduhan melulu terhadap Islam dalam bentuk fobia adalah tidak logik dari sudut akal dan budaya ilmu yang sebenar. Beliau menerangkan konsep Al-Irhab yang sebenar dengan merujuk pada pelbagai tafsir dan kamus bagi menerangkan konsep Al-Irhab yang sebenar yang telah diselewengkan oleh Barat dengan konsep Islamofobiannya. Beliau menyatakan media Barat menunjukkan Islam dengan maksud yang negatif, bagi menakut-nakutkan manusia dan menyebarkan keganasan antara mereka secara tidak benar. Beliau menegaskan Barat dengan segala perancangannya untuk menentang Islamlah yang sesuai ditujukan definisi al-Irhab menurut definisi Barat itu sendiri.

Beliau turut menjelaskan konsep al-Irhab al-Islami yang sebenar iaitu menggerunkan musuh agama dan umat Islam sebagaimana yang telah diperintahkan dalam al-Quran secara fiqh dan akhlak yang mulia adalah dengan cara mewujudkan kekuatan bilangan yang ramai, membuat persiapan yang rapi dan menzahirkan kehebatan umat Islam. Bukannya dengan cara ekstrem, penentangan ataupun keganasan yang melampaui batas adab dan akhlak yang mulia. Beliau menyatakan umat Islam sepatutnya memahami maksud al-Irhab dalam konteks istilah syara' dan bukan konteks bahasa semata-mata sehingga musuh menggunakan untuk menimbulkan tohmahan bahawa Islam itu agama keganasan. Beliau juga menyatakan musuh menyelinap masuk ke dalam kelompok Muslimin dan menimbulkan perselisihan dalam perkara zanni termasuk kafir mengkafir sesama Ahl al-Qiblah. Beliau menegaskan faktor perbalahan itu ialah umat Islam tidak mampu melihat sebab kejahilan mereka dan mereka jauh daripada sikap suka menuntut ilmu ketika berada di zaman kezaliman pemerintah dunia islam apatah lagi di zaman penjajahan ke atas dunia Islam.

Selain itu, budaya bermudah-mudah dalam mengkafirkhan seorang Muslim hingga menyebabkan perpecahan adalah budaya yang perlu dijauhi. Beliau juga menyatakan sesuai dengan pesanan Imam Malik RH bahawa tidak mudah untuk mengkafirkhan seorang Muslim itu kerana jahilnya atau jauh daripada ilmu dan ulama'. Seterusnya, faktor perbalahan antara umat islam ialah terpengaruh dengan fahaman sekularisme, suka membazir termasuk dalam urusan perbelanjaan negara dan cinta dunia. Beliau juga memberikan penekanan bahawa peranan media dalam membentuk persepsi umum lebih dipercayai masyarakat termasuk orang Islam daripada ilmu daripada kitab-kitab Islam yang mu'tabar. Selain itu, beliau menyatakan terdapat sebahagian ulama' yang lemah dalam mengadapi cabaran semasa dalam bentuk hiburan, kejahilan umat yang terpengaruh dengan pemikiran sekularisme, berita palsu dan lain-lain. Beliau menyimpulkan daripada faktor-faktor ini telah menimbulkan dua penyakit yang dihadapi oleh umat dalam mendepani cabaran semasa iaitu yang pertama ialah sikap pemerintah bermudah-mudah (tasahhul) dalam pelaksanaan syariat Islam. Beliau menyatakan terdapat ulama' yang mengampu dan memberi pemahaman yang salah terhadap dalam istilah Islam seperti siyarah syar'iyyah, maqasid al-syari'ah, rukhsah dan kaedah fiqh seperti kemudarat (hanya diambil) cukup sekadar yang diperlukan sahaja. Beliau juga menyatakan ada golongan pemerintah yang menentang gerakan Islam yang sedang berjuang menjadikan Islam memerintah semula, bukan diperintah. Penyakit yang kedua pula ialah sikap melampaui batas (tasyaddud) oleh sebahagian umat Islam yang mana menyebabkan imej yang buruk terhadap Islam. Beliau menyatakan antara sikap mereka ialah terlalu ghairah dalam beragama sehingga berdakwah tanpa hikmah, melaksanakan syariat tetapi tidak

* Badlihisham Mohd Nasir (corresponding author) (PhD), Professor, Islamic Civilizational Academy, Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia. Email: badlihisham@utm.my.

** Nur Shafiqah Badlihisham, Postgraduate Candidate, Faculty of Defence Studies and Management, The National Defence University of Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.

mengikut fiqh lalu menjadikannya tidak tersusun, berpolitik namun tiada kebijaksanaan, berjihad tanpa kefahaman agama secara tafaqquh fiddin. Beliau menegaskan dua kelompok ini sedang memburukkan keadaan umat Islam. Beliau menyatakan golongan ini mengaku kononnya sebagai salaf dan khalaf, pejuang sunnah dan sebahagiannya mengaku sebagai Syiah. Kata beliau, agenda barat tersebut bermula dengan cuba merosakkan institusi keluarga. (ms 38-43)

Beliau juga menyambung tulisannya tentang akan terjadi pertembungan antara peradaban Barat dan dunia Islam di masa depan. Beliau mengukuhkan pandangan beliau dengan memetik kenyataan daripada Prof. Samuel P. Huntington, Profesor di Universiti Havard. Beliau telah mengisyiharkan dalam kajian panjang Majalah *Foreign Affairs* yang bertajuk *The Clash of Civilizations*, bahawa kuasa lain di dunia, mesti akan hancur dan hanya peradaban Barat sahaja yang mampu kekal bertahan. Selain itu, beliau juga menyatakan Bernard Lewis sarjana British-Amerika mengatakan bahawa hubungan yang tegang antara Barat dengan Islam berpotensi untuk meletup berpunca daripada pertembungan antara kedua-dua peradaban itu. Begitu juga Tuan Guru Haji Abdul Hadi memetik kata-kata John Calvin (Setiusaha Agung Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) selepas keruntuhan Tembok Berlin, yang menyatakan Barat telah menang Perang Dingin (Cold War) antara Timur dengan Barat, tetapi masih ada pertembungan lama antara Barat dengan Islam dan ia pasti akan terjadi lagi lambat lau dan pihak yang memenangi pertembungan ini masih tidak diketahui. Semua ini menurut Tuan Guru Haji Abdul Hadi menunjukkan pendirian sebenar mereka terhadap Islam dan tidak memadai dengan hanya menempatkan Israel di tengah-tengah bumi Palestin dan mendirikan pangkalan tentera di kawasan Islam.

Beliau menyatakan tentang punca utama berlakunya krisis di Timur Tengah bukan berpunca daripada perbezaan Mazhab antara Sunni dan Syiah. Bahkan perbezaan mazhab telah berlaku sejak zaman generasi dahulu tetapi mereka mampu meluaskan pembukaan wilayah Islam dari Timur hingga ke Barat. Bahkan beliau berkata ia berpunca daripada rancangan besar musuh terhadap umat Islam iaitu yang pertama ialah projek pemetaan baharu di Timur Tengah yang telah diumumkan beberapa tahun yang lalu. Manakala, yang kedua pula ialah, fatwa pembaharuan dalam politik Timur Tengah yang akan mengikuti jalan kebebasan demokrasi Barat selepas gagal mempertahankan kediktatoran. Beliau menyatakan dua rancangan itu dibuat selepas termeterai Perjanjian Sykes-Picot pada tahun 1916 bagi menjaga kepentingan Israel dan menghalang kembalinya Khilafah Islamiyyah. Adapun isu mazhab dan perkauman hanyalah dijadikan asbab perang proksi oleh musuh untuk merencana dua rancangan besar Barat tadi.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi menyeru bangsa Arab dan seluruh umat Islam menggunakan fikiran dan kemahiran mereka untuk bersatu menghadapi musuh dan kembali kepada Syariah Islam untuk menyelesaikan segala permasalahan dalaman umat Islam dengan menjauhi segala bentuk campur tangan asing. Beliau juga menyatakan umat Islam perlu berhati-hati dengan perancangan musuh yang sengaja melaga-lagakan antara Sunni dan Syiah dengan menimbulkan pelbagai istilah Bulan Sabit Syiah dan Bulan Sabit Sunni kononnya bagi menentang pemerintah yang diktator. Beliau menyatakan bahawa umat Islam perlu belajar bahawa perpecahan dalamanlah yang menjadi asbab kejatuhan khilafah Islamiah dahulu.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi menulis berkenaan sebab berlakunya pemetaan baru Timur Tengah iaitu kerana faktor meneruskan kelangsungan ekonomi, politik dan operasi ketenteraan Amerika Syarikat dan sekutunya melalui program jangka panjang dasar Anglo-Amerika dan Israel di Timur Tengah. DSTGHH juga mengatakan faktor ekonomi jugalah yang menjadi sebab berlakunya Perang Dunia Pertama dan ia disahkan dengan kenyataan Norman Dodd, penyiasat untuk Kongres Amerika Syarikat. Beliau juga menyatakan kuasa besar yang memainkan peranan untuk agenda besar ini ialah British, Amerika Syarikat dan Israel dan hampir kesemua konflik di Timur Tengah ialah pertindihan agenda antara tiga buah negara ini. Sebagai contoh, Pakatan Anglo-Amerika menyokong rampasan kuasa oleh tentera dan pemerintahan kuku besi (tirani) di Timur Tengah. Beliau menyatakan peta Timur Tengah yang telah dilakarkan oleh Leftenan Kolonel Peters telah dipamerkan di Kolej Tentera NATO, Rome telah mencetuskan kemarahan tentera Turki. Beliau juga memaklumkan peta itu telah mendapat persetujuan daripada Akademi Perang Kebangsaan Amerika Syarikat.

Beliau juga menulis berkaitan hubungan antara pelan Balkan Eurasia Brzezinski yang dilakar oleh Zbigniew Brzezinski, Bekas Penasihat Keselamatan Kebangsaan Amerika Syarikat dalam bukunya,

The Grand Chessboard. Selain itu, Brzezinski menyatakan jika Iran atau Turki tidak stabil, maka masalah dalaman di rantau Timur Tengah tidak akan dapat dikawal dan kedua-dua negara itu turut bersaing melebarkan pengaruh mereka di rantau Balkan. Beliau menyatakan usaha Balkanisasi iaitu konflik etnik dan persaingan antara kuasa-kuasa besar merupakan cara paling efektif White House bagi melaksanakan pelan peta baru Timur Tengah. Beliau juga menyatakan rantau itu sangat strategik bagi beberapa negara seperti Rusia, Turki dan Iran dalam kepentingan keselamatan dan aspirasi sejarah negara tersebut. Maka usaha Balkanisasi perlu dilakukan Barat di rantau Timur Tengah khususnya untuk menguasai hasil bumi di Timur Tengah.

Seterusnya, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang meneruskan perbincangan bahagian kedua ini dengan menerangkan peta timur tengah baharu dengan lebih terperinci merangkumi sempadan negara apa yang akan berubah sama ada makin luas atau makin kecil dan juga pertambahan negara-negara baru seperti negara Kurdistan, negara Balochistan dan negara Arab Syiah. Beliau menyatakan peta baru tersebut terpapar dalam satu artikel bertajuk Blood Borders dalam laman web Majalah Angkatan Tentera (Armed Forces Journal) pada Julai 2006. Laporan artikel itu belum memuktamadkan sempadan beberapa kawasan terutama di benua Afrika. Beliau menyatakan bukti kukuh yang menyokong agenda pemetaan baru ini disahkan dengan kenyataan Setiusaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice yang menyatakan apa yang berlaku di Timur Tengah ialah satu pembentukan ‘New Middle East’. Peta tersebut juga menjadikan Timur Tengah sebagai alat bagi mengawal rantau Balkan Eurasia seperti yang dinyatakan oleh Brzezinski.

Selanjutnya, beliau menyatakan tentang perancangan Barat yang Melindungi Israel telah bermula seawal Perjanjian Balfour yang menjanjikan negara kepada kumpulan Zionis Yahudi. Ianya disambut dengan Perjanjian Sykes-Picot yang untuk membahagi-bahagikan wilayah Islam. Negara Arab yang membantu Israel pula mendapat jawatan yang paling tinggi di negara masing-masing tetapi mereka tidak dibenarkan untuk mengancam keselamatan Israel. Senjata yang dibekalkan kepada mereka tidak akan lebih canggih daripada Israel dan ianya digunakan untuk perang proksi di dalam negara mereka. Beliau menyatakan agenda negara haram Israel bermula dari Lembah Sungai Nil hingga Sungai Euphrates dan dari laut ke laut. Israel juga menguasai Bank Dunia dan syarikat media yang paling berpengaruh bagi menjayakan agenda Zionis Yahudi. Beliau menyatakan Israel telah lama kebal daripada undang-undang antarabangsa dan musuh utama Barat dan sekutunya bukanlah pada mazhab dan etnik tertentu umat Islam tetapi apa-apa jenis kekuasaan yang mengancam keselamatan Israel.

Langkah ke arah pengukuhan dunia Islam yang telah dicadangkan oleh beliau ialah pemimpin dunia Islam hendaklah menolak campur tangan kuasa asing dalam menyelesaikan masalah dalaman negara dan menjadikan Islam sebagai satu rujukan bagi menyelesaikan setiap masalah yang timbul. Di samping itu, DSTGHH juga menerangkan tentang usaha ke arah pengukuhan dunia Islam melalui kerjasama antara negara Islam D-8 yang dianggotai oleh 8 buah negara Islam yang ditubuhkan selepas kejatuhan Khilafah Islamiyyah bagi tujuan kerjasama kemanusiaan, ekonomi, keamanan, dan teknologi umat Islam mestilah diaktifkan semula. Segala usaha kesatuan umat Islam wajib ditangani dengan petunjuk al-Quran dengan berfeqah. Akhirnya, beliau menyeru umat Islam untuk mengambil ketetapan terhadap perbezaan aliran Wahhabi, Asha’irah, Shi’ah, Ibadi dan Sufi mengikut landasan ilmu beserta adab dalam mendepani perbezaan pendapat.

Ringkasnya buku beliau umumnya berjaya mencapai tujuan penulis iaitu bagi menyedarkan umat Islam tentang perancangan jahat Barat dan buat bukan Islam yang bersikap rasional supaya mereka menyedari yang Islam dan penganutnya sudah lama dizalimi. Walau bagaimanapun, tiada bahagian rujukan atau bibliografi disediakan di dalam buku ini contohnya ketika beliau memetik kenyataan mana-mana pemimpin Barat. Tetapi beliau ada menyatakan pemimpin dan buku atau laman web tersebut secara spesifik dalam tulisan beliau. Ia adalah perlu bagi bacaan lanjut dan memudahkan rujukan yang sah dalam konteks kajian ilmiah.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Teknologi Malaysia (geran no. 19j92) dan Kementerian Pengajian Tinggi (geran no. FRGS/1/2020/SSI0/UTM/01/3) kerana menyediakan bantuan kewangan bagi membolehkan kajian ini dijalankan.

